

55 dipindah ke pusat pemindahan

LAWAS 25 Nov. - Seramai 55 orang daripada 18 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan sementara banjir di Dewan Masyarakat Trusan sehingga pukul 5.55 petang ini.

Menurut Pegawai Pertahanan Awam Daerah Limbang, Subuh Posa, mangsa terdiri daripada 34 orang dewasa, 15 kanak-kanak, tiga bayi dan tiga warga emas.

Katanya, pusat pemindahan sementara tersebut telah dibuka sejak petang semalam apabila menempatkan sembilan mangsa daripada dua keluarga berikutan banjir kilat di kawasan itu.

"Semua 55 mangsa masih berada di pusat pemindahan banjir setakat ini.

"Kampung yang terlibat adalah Kampung Seberang Kedai, Kampung Tengah, Kampung Gelapas, Kampung Masjid dan Kampung Balai," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut, katanya, bekalan makanan sudah disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Agensi-agensi lain seperti polis, bomba dan Pejabat Daerah Lawas juga berada di pusat pemindahan banjir.

"Anggota JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) berada di pusat itu sebagai langkah berjaga-jaga," ujarnya.



BEBERAPA kawasan Trusan dan Sundar dilanda banjir di Lawas, Sarawak, semalam.

Sementara itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) Lawas dalam kenyataan hari ini meminta semua penduduk di kawasan itu menyimpan air bagi kegunaan harian kerana catuan bekalan air akan dilakukan.

"Sungai Batang Trusan sedang mengalami tahap air yang tinggi ketika ini.

"Justeru itu, bagi menjaga keselamatan loji jika air semakin naik di Sungai Batang Trusan, pam elektrik di loji rawatan Trusan akan ditutup," ujar kenyataan tersebut.

Jelas kenyataan itu, pam elektrik akan hanya beroperasi semula jika air sungai kembali surut.